

29 APR 2003

Asean-Langkah/I

PASUKAN PETUGAS PERINGKAT MENTERI KESIHATAN ASEAN PERANGI SARS

Daripada: Tham Choy Lin

BANGKOK, 29 April (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Asean berikrar untuk memerangi virus maut Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) dan menyokong cadangan Malaysia menubuhkan pasukan petugas peringkat menteri kesihatan bagi memperhebatkan usaha itu berikutan kebimbangan dengan kemusnahan yang dibawa wabak itu terhadap nyawa rakyat dan ekonomi negara mereka.

Selepas berbincang pada sidang kemuncak khas separuh hari dan pertemuan dengan Perdana Menteri baru China, Wen Jiabao, di sini, hari ini, para pemimpin itu memutuskan untuk mengukuhkan kerjasama mereka bagi mengurangkan kesan akibat wabak SARS itu.

China, negara yang paling teruk dilanda SARS dengan pusat penularan wabak itu dikesan di Guangdong iaitu bandar di selatan republik itu, mengumumkan peruntukan sebanyak 10 juta yuan (RM5 juta) bagi membantu Asean memerangi penyakit berjangkit itu yang setakat ini telah membunuh lebih 300 orang dan menjangkiti lebih 5,000 orang di seluruh dunia.

Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberitahu para wartawan Malaysia di sini bahawa mesyuarat itu berjaya membuktikan semangat setiakawan dan permuafakatan negara-negara anggota Asean dalam memerangi SARS.

"Satu keputusan yang diambil, yang saya anggap bermakna, ialah keputusan mewujudkan satu kumpulan kerja bersama pada peringkat menteri yang telah ditubuhkan dengan tujuan untuk memantau, melaksanakan segala keputusan-keputusan yang telah diambil dalam mesyuarat hari ini," kata beliau.

Abdullah berkata kehadiran Wen, yang telah menerangkan kepada ketua-ketua negara Asean mengenai langkah-langkah yang diambil Beijing untuk membendung wabak itu, juga menunjukkan permuafakatan yang baik antara China dan Asean.

Beliau berkata kesemua pemimpin negara Asean mengalu-alukan langkah-langkah itu dan berharap China dapat mengatasi wabak maut itu.

"Saya mengalu-alu langkah China itu kerana kita mahu China dapat mengatasi masalah ini. Kita mempunyai hubungan perdagangan dan pelancongan yang baik dengan China dan wabak SARS ini menyebabkan banyak kerugian kepada kita," kata beliau.

Abdullah berkata beliau juga mengambil kesempatan dengan menerangkan bahawa langkah-langkah Malaysia mengenakan pemeriksaan ke atas pekerja-pekerja asing adalah dilakukan tanpa diskriminasi selain untuk kebaikan pekerja itu sendiri dan majikan mereka.

Dua kenyataan bersama dikeluarkan pada akhir kedua-dua mesyuarat itu yang dilihat sebagai petanda positif bahawa kerajaan-kerajaan berkenaan serius memerangi SARS bagi memulihkan keyakinan di rantau ini.

Para pemimpin itu juga menggesa masyarakat antarabangsa tidak "secara sembarangan" menasihatkan rakyat mereka supaya jangan berkunjung ke atau berurusan dengan negara-negara anggota Asean bagi membantu memulihkan keyakinan perniagaan di rantau ini.

Dalam menunjukkan semangat politik yang kukuh, tuan rumah sidang kemuncak khas itu Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra turut disertai oleh ketua-ketua kerajaan lain Asean - Sultan Hassanah Bolkiah dari Brunei, Perdana Menteri Kemboja Hun Sen, Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri, Perdana Menteri Laos Bounhang Vorachith, Perdana Menteri Myanmar Than Shwe, Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo,

Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dan Perdana Menteri Vietnam Phan Van Khai.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kini bercuti dua bulan.

Sambil menyokong langkah-langkah antiSARS yang dibincangkan oleh Menteri-menteri Kesihatan Asean dengan rakan-rakan sejawatan dari Jepun, Korea Selatan dan China di Kuala Lumpur pada Sabtu lepas, para pemimpin itu turut mengakui perlunya ketelusan dan bagi negara-negara anggota bertindak secara individu dan bersama untuk mengambil langkah-langkah ketat membendung penularan SARS.

Antara langkah-langkah utama lain yang diperakukan ialah:

- * bekerjasama dalam memastikan pemeriksaan sempurna sebelum berlepas dan semasa ketibaan dilakukan di pintu-pintu masuk negara-negara Asean,
- * mengadakan mesyuarat antara pihak-pihak berkuasa lapangan terbang Asean, China, Jepun dan Korea Selatan di Filipina untuk merangka prosedur pemeriksaan,
- * menggalakkan kesedaran orang ramai bagi mengelakkan sebarang kecemasan yang tidak wajar,
- * mewujudkan langkah-langkah standard, dan jika boleh, yang harmoni untuk pemeriksaan antara negara-negara Asean yang dilanda wabak itu,
- * mewujudkan dan mengukuhkan sistem amaran awal mengenai kemunculan penyakit berjangkit,
- * mewujudkan Rangkaian Maklumat Membendung SARS Asean untuk berkongsi maklumat, amalan terbaik dan penemuan baru dalam memerangi wabak itu,
- * menetapkan sebuah pusat di setiap negara Asean bagi menangani SARS,
- * menggesa Menteri-menteri Kesihatan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) untuk bermesyuarat dan mengambil tindakan bersama serta meningkatkan kerjasama dengan pertubuhan antarabangsa berkaitan.

Para pemimpin Asean itu turut meminta Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyemak semula klasifikasi negara-negara yang dilanda SARS dan memberikan garis panduan teknikal selanjutnya mengenai pencegahan wabak itu.

Mereka juga mahu WHO menangani isu-isu SARS pada Perhimpunan Agung Kesihatan Sedunia bulan depan serta menggesa negara-negara di luar Asean menunjukkan iltizam dan komitmen dalam membasmi SARS.

Sambil menyokong para pemimpin Asean itu, China berkata ia bersedia untuk bekerjasama dengan perkumpulan negara-negara Asia Tenggara itu dalam memerangi SARS.

Kedua-dua pihak itu turut bersetuju untuk menaja satu simposium khas bagi menilai kesan politik, keselamatan, ekonomi dan kemungkin lain akibat SARS di rantau ini serta merangka langkah-langkah untuk mengatasinya.

-- BERNAMA

TCL NM NAK